

**DATE** : 6 May 2015  
**PUBLICATION** : Utusan Malaysia  
**SECTION** :  
**HEADLINE** : MAMG sasar AUM RM20 bilion

UTUSAN MALAYSIA • RABU 6 MEI 2015

## MAMG sasar AUM RM20 bilion

**KUALA LUMPUR 5 Mei** – Maybank Asset Management Group (MAMG) mengunjurkan aset di bawah pengurusan (AUM) syarikat mencecah RM20 bilion pada akhir 2015.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nor' Azamin Salleh berkata, sehingga 31 Mac lalu, jumlah AUM MAMG adalah sebanyak RM15.2 bilion.

Katanya, syarikat turut menasarkan AUM bagi aset berlandaskan syariah akan meningkat kepada RM9 bilion tahun ini, naik RM2.4 bilion daripada jumlah AUM semasa iaitu RM6.6 bilion.

"Peningkatan ini dipacu dengan pengenalan dana ekuiti Islam pertama bagi negara di bawah rangka kerja pasport ASEAN, Dana Maybank Bosera Greater China ASEAN Equity-i.

"Dana ini dijangka berupaya meraih kira-kira RM700 juta sehingga 100 juta dalam tempoh setahun" katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Dana Maybank Bosera Greater China ASEAN Equity-i di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Portfolio Strategi Bosera Asset Management (International) Co. Ltd., Conrad Cheng.

Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (Maybank AM), cabang pengurusan aset Kumpulan Maybank memperkenalkan dana baharu itu yang bertujuan meraih potensi besar dalam pasaran ekuiti dalam wilayah besar China dan ASEAN.

Dana ekuiti berlandaskan syariah tersebut bermatlamat mencapai pertumbuhan modal untuk tempoh



**NOR' AZAMIN SALLEH** (kanan); Conrad Cheng (dua dari kiri); Ketua Perbankan Global Kumpulan Maybank, Amirul Feisal Wan Zahir (dua dari kanan) dan Pengerusi Maybank Islamic Asset Management, Datuk Azian Mohd. Noh sewaktu pelancaran Dana Maybank Bosera Greater China ASEAN Equity-i di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD SHAHARANI SAIBI

jangka panjang dilaburkan dalam saham berlandaskan syariah atau lain-lain sekuriti yang bersamaan dengannya.

Pulangan disasarkan antara tujuh hingga 12 peratus setahun atas asas pusingan pelaburan selama

tiga tahun.

Dana Maybank Bosera Greater China ASEAN Equity-i dijangka mula ditawarkan ke Hong Kong pada awal tahun depan seterusnya pasaran lain termasuk Singapura, Thailand dan Indonesia.